



JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan dalam Bidang Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit) (221902)** yang masih sah tempoh sah lakunya.

**TAJUK TENDER** : TENDER PELUPUSAN PERALATAN / KOMPONEN  
ASET TAK ALIH KERAJAAN

**TARIKH IKLAN** : 20 Julai 2023

**TEMPOH PENGAMBILAN  
DOKUMEN** : 25 Julai 2023 hingga 26 Julai 2023

**LAWATAN TAPAK** : 25 Julai 2023 (10.00 pagi)

**LOKASI** : MST ENGINEERING GLOBAL SDN BHD  
No. 15-1, Jalan Damai Mewah  
Taman Damai Mewah  
43000 Kajang, Selangor

**TARIKH TUTUP TENDER** : 1 Ogos 2023 (sebelum 12.00 tengahari)

2. Kehadiran ke taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai tender ini. Dokumen Tender Pelupusan Aset Tak Alih boleh diperolehi di Bahagian Pengurusan Tanah, JPP atau semasa sesi lawatan tapak dengan membawa Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Asal berserta dengan salinan pendua (tidak dikembalikan). Tempoh sah laku tawaran adalah 90 hari bagi tender tempatan bermula dari tarikh tender ditutup.
3. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul berlakri dan di tanda dengan No. Tender **NRECC/JPP/ATA/2023/01** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam **Peti Tender No. 1** di alamat berikut:

(TENDER PELUPUSAN PERALATAN/KOMPONEN ASET TAK ALIH KERAJAAN)  
**JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN  
PERUBAHAN IKLIM**

Aras 3, Blok B Suasana PjH  
No. 2 Jalan Tun Abd Razak, Presint 2  
**62100 PUTRAJAYA**

4. Setiap tawaran hendaklah disertakan deposit tender sebanyak **10% daripada harga tawaran** bagi setiap aset atau tertakluk kepada **maksimum RM10,000**. Deposit Tender hendaklah dalam bentuk Wang Pos / Draf Bank /Jaminan Bank atas nama **Akauntan Negara Malaysia**. Setiap syarikat dikehendaki membawa sijil-sijil pendaftaran asal yang berkenaan dan mengemukakan salinan sijil-sijil pendaftaran tersebut kepada wakil JPP. Sekiranya syarikat menghantar wakil semasa sesi lawatan tapak, wakil-wakil syarikat hendaklah membawa surat wakil kuasa daripada pegawai yang ditauliahkan seperti dalam Sijil Pendaftaran Kontraktor. Sila bawa bersama cop syarikat semasa lawatan tapak.
5. Bagi petender yang menyertai tawaran tetapi tidak berjaya, deposit tender akan dikembalikan. Syarikat dikehendaki melengkapkan Borang Daftar Data Induk Pelanggan Aset bagi melancarkan proses pengembalian wang deposit kelak.
6. Syarikat atau wakil Syarikat yang hadir ke sesi lawatan diingatkan supaya sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 serta mengamalkan penjarakan sosial sepanjang sesi lawatan tapak tersebut.



**WAN NIHAYAH BINTI WAN HUSSIN**  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Pengurusan Tanah  
Sektor Perancangan & Pembangunan  
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan  
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim